

06 SEP 2003
SAPP-Calon/I
SAPP CADANG LETAK CALON DI KAWASAN BARU

KOTA KINABALU, 6 Sept (Bernama) -- Parti Maju Sabah (SAPP), sebuah daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, bercadang meletakkan calonnya untuk bertanding di kawasan baru pada pilihan raya umum dan negeri akan datang.

Presidennya, Datuk Yong Teck Lee berkata langkah itu diambil sejajar dengan pertambahan jumlah kerusi berikutan urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya baru-baru ini.

"Kami telah bertanding di tiga kawasan utama, KK (Kota Kinabalu), Sandakan dan Tawau. Dengan bertambahnya kerusi baru, kami akan berkembang ke wilayah lain, parlimen dan negeri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Pemuda dan Wanita parti itu di sini, hari ini.

Berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dicadangkan Suruhanjaya Pilihan Raya tahun ini, Sabah akan mendapat 12 kerusi baru negeri dan lima kerusi parlimen berbanding masing-masing 48 dan 20 sebelum ini.

Yong bagaimanapun tidak menyatakan di kawasan manakah parti itu bercadang meletakkan calonnya untuk bertanding.

Beliau berkata parti itu juga memutuskan 25 peratus daripada calonnya yang akan bertanding pada pilihan raya akan datang terdiri daripada wanita.

Pada pilihan raya lepas, SAPP hanya meletakkan calon lelaki untuk pilihan raya umum dan negeri.

Yong juga berkata untuk pilihan raya kali ini, hanya mereka yang melalui kesemua proses pemilihan akan dipilih mewakili parti itu.

Katanya SAPP sedang mencari pemimpin wanita yang baik dan kuat seperti Datuk Seri Rafidah Aziz yang mencapai kejayaan kerana kebolehan sendiri dan bukan kerana menumpang populariti orang lain, termasuk keluarga.

Ditanya mengapakah SAPP tidak menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke kongresnya esok, beliau berkata parti itu memutuskan untuk menjemput Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini ke majlis sambutan ulangtahun ke-10nya awal tahun depan bagi memberi peluang kepada anggotanya memberi penghormatan terakhir kepada beliau sebagai perdana menteri.

"Perdana Menteri telah merasmikan Kongres SAPP sebelum ini. Untuk tahun ini kami menjemput CM (Ketua Menteri Datuk Musa Aman) kerana kami merasakan bahawa oleh kerana beliau adalah CM baru, maka bolehlah anggota kami mengenalinya dengan lebih dekat," kata beliau.

-- BERNAMA
MK SP RON